

# FAHAMAI MODEL 1 & MODEL 2 PIKAS



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## ELEMEN

### MODEL 1 (PPV Penggunaan Umum)

Lokasi PPV



Syarikat menghantar pekerja ke PPV yang terdekat dengan lokasi syarikat untuk divaksinasi.

Kos yang perlu ditanggung syarikat



Vaksin adalah percuma. Syarikat perlu menanggung sepenuhnya kos pengurusan imunisasi untuk pekerja-pekerja.

Bayaran PPV



Pembayaran kepada PPV adalah tertakluk kepada kontrak di antara syarikat yang mengambil bahagian dan pihak PPV.

Jumlah pekerja



Bergantung kepada jumlah pekerja yang didaftarkan.

### MODEL 2 (PPV di tapak premis)

Syarikat atau kumpulan syarikat dibenarkan untuk mengenal pasti kemudahan/ lokasi yang sesuai untuk PPV. Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), MOSTI akan memeriksa dan memberi cadangan penambahbaikan.

Vaksin adalah percuma. Memeterai perjanjian dengan pengendali tempat PIKAS PPV. Perjanjian yang ditandatangani diserahkan kepada pengendali tempat sebelum tarikh vaksinasi pertama.

Melunaskan pembayaran penuh kepada pengendali PPV PIKAS sekurang-kurangnya lima hari bekerja sebelum tarikh vaksinasi.

Syarikat secara persendirian atau berkumpulan (bersama syarikat lain), perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 1,000 orang pekerja untuk divaksinasi.